

Masa depan Malaysia, Indonesia cerah

BM 19 JUN 1994

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Indonesia mempunyai masa depan yang gemilang jika kedua-dua negara berterusan mengamalkan dasar persefahaman serta bekerjasama, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, sebagai bukti, pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara kini mencatatkan pertumbuhan mengagumkan berbanding ketika masing-masing mengamalkan dasar yang berbeza.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap lebih banyak perdagangan dua hala serta pertukaran teknologi Malaysia-Indonesia dilaksanakan di samping menarik pelaburan asing.

"Jika kita berjaya, kita boleh menolong pula negara yang masih ketinggalan di Asia Timur. Kita jadikan rantau ini, kawasan yang dinamik dan berdaya maju supaya disegani di seluruh dunia.

"Ia tidak mustahil, kerana sejak 1,200 tahun lalu, Malaysia-Indonesia sudah mewujudkan kerjasama perdagangan sehingga kedua-dua kerajaan mempunyai empayar masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan upacara menandatangani Perjanjian Pelaburan di antara CASH Berhad dan Barito Pacific Group. Cash Berhad diwakili Pengarah Urusannya, Joseph Ambrose Lee manakala Barito Pacific Group oleh pengurusinya, Prajogo Pangestu.

Hadir sama di majlis itu ialah Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai; Menteri Negara Penggerak Dana Investasi Indonesia, Sanyoto Sastrowardoyo dan Pengerusi

CASH Berhad, Abdul Mulok Awang Damit.

Perjanjian bernilai RM2.59 bilion itu bertujuan mewujudkan kerjasama di bidang pembalakan, industri hilirannya serta penanaman semula hutan di Sarawak dan Papua New Guinea.

Mengenai tekanan Barat terhadap pembalakan di negara tropika, Dr Mahathir berkata, Barat sengaja mewujudkan isu alam sekitar bagi mengugut negara membangun mematuhi telunjuk mereka.

"Kita tidak akan tunduk sebaliknya mereka mesti membayar jika mahu kita mengikut peraturan mereka. Lagipun, mereka berbuat demikian hanya selepas hutan mereka habis ditebang," katanya.

Menjawab soalan pemberita Indonesia, Dr Mahathir berkata, Malaysia berancang melaksanakan penanaman semula kawasan pembalakangannya dengan menggunakan teknologi daripada Indonesia.

"Ini adalah sebahagian strategi memulihara kawasan hutan mengikut kesesuaian serta keperluan. Bagaimanapun, penebangan balak masih terkawal dan Malaysia mempunyai 72 peratus kawasan hutan tropika," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri meminta negara pengeluar kayu balak tropika supaya bersatu bagi menghadapi kempen pengeluar kayu balak Barat yang hanya berniat menaikkan harga pasaran mereka.

Mengenai kemasukan kayu balak Indonesia secara haram ke negara ini, Perdana Menteri berkata, kegiatan haram itu boleh dielakkan jika kedua-dua negara mewujudkan undang-undang bagi membanterasnya.